

Guru muda perlu fahami aspirasi kerajaan

Jasin 18 Okt. - Guru-guru baru atau guru-guru muda diseru lebih prihatin dan memahami aspirasi kerajaan dalam memastikan dunia pendidikan di negeri ini lebih cemerlang. Guru bukan sekadar pengajar atau penyampai ilmu, tetapi guru merupakan pendidik yang mampu mengubah personaliti dan pemikiran pelajar.

Malah, dalam konteks negara bangsa, guru perlu sentiasa menjunjung etika perguruan dan menjadi kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan yang mampan dan seocok dengan dasar serta aspirasi kerajaan dan negara.

Pandangan itu diontarkan Pengurus Besar Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TANPEM), Mustafa Musa ketika menyampaikan ceramah motivasi kepada



MUSTAFA semasa berdiskusi bersama guru muda Daerah Jasin.

hampir 100 guru baharu daerah Jasin, di Dewan Seminar PPD Jasin di sini, hari ini.

Bengkel Peningkatan Profesionalisme Program Pembangunan Guru Baharu Daerah Jasin anjuran PPD Jasin itu bertujuan memastikan guru

baharu bersedia hadapi cabaran dunia pendidikan abad ke-21 yang kian rancam dan pelbagai.

Menurutnya, seorang guru berjiwa besar perlu punya kualiti yang khusus dan konsisten supaya sentiasa dipandang tinggi oleh pelajar dan



SEBAHAGIAN daripada hadirin yang hadir pada program itu.

masyarakat. Katanya, malah guru-guru yang cemerlang sentiasa menonjol ciri personaliti unggul, menguasai kemahiran pedagogi, menguasai kemahiran komunikasi, nilai kecondan, tegas, kreatif dan inovatif.

Justeru, Mustafa akan peranan, tanggungjawab dan pengorbanan guru-guru.

Turut hadir dalam program, Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Jasin, Dr. Mohd Azam Ahmad dan pegawai-pegawai pendidikan Daerah Jasin.